

26 JUN 2001

Rais-Hakim

KAJI SEMULA KOD ETIKA HAKIM, KATA RAIS

KUALA KLAUANG, 26 Jun (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim mencadangkan supaya kod etika hakim dikaji semula bagi membuat peruntukan tambahan yang sesuai supaya kes seperti di Likas tidak berulang.

Beliau berkata Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah boleh memperbaiki Jabatan Kehakiman terutama daripada segi tingkah laku, peradaban dan juga etika seseorang hakim semasa menjatuhkan hukuman atau semasa mengeluarkan pendapat dalam penghakiman.

"Ada perkara yang tak boleh disebut misalnya, ada perkara lebih baik diurus dengan pentadbiran, dan ini perlu dijelaskan. Saya sendiri akan berhubung dengan Ketua Hakim Negara untuk menjelaskan kepada beliau pandangan kerajaan berhubung dengan peristiwa Likas tersebut," katanya selepas merasmikan kursus pemimpin rekreasi anjuran Persatuan Belia Semangat Bersatu Kampung Ulu Jelebu di Jeram Enggang dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa tindakan Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu Datuk Muhammad Kamil Awang mengheret mahkamah ke dalam kontroversi umum telah mencemarkan imej badan kehakiman negara.

Awal bulan ini, Muhammad Kamil membatalkan kemenangan Datuk Yong Teck Lee dari Barisan Nasional bagi kerusi Dewan Undangan Sabah kawasan Likas pada pilihan raya negeri 1999 kerana alasan terdapat pengundi hantu dalam daftar pemilih bagi kawasan itu.

Dalam penghakimannya pula, hakim itu berkata beliau telah menerima panggilan telefon daripada seorang ketuanya meminta beliau menolak petisyen itu tanpa perlu mendengar kes selain membidas jabatan-jabatan kerajaan yang tidak membalas surat-surat yang dikirimkan, dengan memberi contoh berkaitan permohonan anaknya mendapat permit kerja sementara di Sarawak dan permohonan anaknya untuk mendapatkan biasiswa.

Perdana Menteri semalam berkata tindakan Muhammad Kamil itu menyebabkan orang ramai menghadapi masalah untuk mempercayai mahkamah kerana beliau telah mencemarkan imej mahkamah.

Rais berkata kenyataan Muhammad Kamil itu tidak diduga berlaku dan semua pihak perlu mengambil iktibar daripada kejadian itu dan menyusun langkah-langkah pencegahan supaya institusi kehakiman jelas nampak beransur ke arah yang membina, neutral, adil dan tidak kena mengena dengan urusan pentadbiran.

"Sebenarnya apa yang telah beliau lakukan itu pada saya sesungguhnya mencederakan usaha jabatan saya sendiri dan Jabatan Kehakiman yang sedang memulihkan semula imej kehakiman.

"Dengan tingkah laku, penghakiman yang dibuat oleh hakim itu, usaha murni yang dilakukan itu agak terjejas tetapi saya yakin kita akan berusaha kembali, agar para hakim benar-benar neutral dan tidak menggunakan kedudukannya untuk berpolitik atau memasukkan hujah-hujah yang anti pentadbiran yang tidak kena-mengena dengan kehakiman," katanya.

Menurutnya pandangan Dr Mahathir itu diterima baik kerana mengikut Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri mempunyai kuasa untuk mengemukakan cadangan pelantikan hakim dan pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman.

"Lantas beliau (Dr Mahathir) berkata sedemikian adalah di atas lunas jawatannya yang diiktiraf dalam perlembagaan. Saya berharap tidak ada pihak yang menyatakan itu merupakan pandangan campur tangan, (ia) tidak sama

sekali," katanya.

Ditanya mengenai prasangka buruk rakyat terhadap badan kehakiman selepas peristiwa itu, Rais berkata beliau tidak berfikiran begitu kerana ia merupakan kes yang berasingan dan tidak ada kes seumpamanya sebelum ini.

"Saya letakkan kes Hakim Likas (Muhammad Kamil) ini sebagai kes yang berasingan, kes yang unik yang berkait rapat dengan personalitinya sendiri. Saya yakin taklah dengan kelakuan seorang hakim itu, maka seluruh badan kehakiman jatuh kerana institusi kehakiman di negara kita sudah lama wujud," katanya.

Ditanya mengenai tindakan Dewan Undangan Negeri Kelantan semalam yang meluluskan pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri yang melibatkan fungsi dan kuasa Sultan, beliau berkata pindaan yang dilakukan oleh kerajaan Pas Kelantan memperlihatkan tindakan yang tidak konsisten kerajaan Pas kerana pada 1994 semasa kerajaan pusat melakukan pindaan perlembagaan, Pas menentang tindakan itu.

"Pada 1994, Pas mati-matian menentang pindaan perlembagaan yang dilakukan oleh persekutuan tetapi sekarang pula mereka berkehendakkan supaya diselaraskan dengan keputusan kerajaan pusat," katanya.

Rais berkata Sultan Kelantan berhak sama ada meluluskan dengan menandatangani atau sebaliknya dan jika Baginda enggan menandatangani pindaan itu, maka ia tidak akan menjadi undang-undang.

Katanya Sultan Kelantan juga boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan iaitu Mahkamah Persekutuan berhak menimbang apa-apa isu berkaitan dengan bidang tugas dan kuasa kerajaan negeri dan pusat.

--BERNAMA
RP APG MAI